



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

PERARAKAN HARMONI 2025 TONJOL KEPELBAGAIAN DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 13 Februari – Kementerian Perpaduan Negara (KPN) akan menganjurkan **Program Perarakan Harmoni 2025** pada **15 dan 16 Februari 2025** bermula jam **9.00 malam** di **Dataran Merdeka, Kuala Lumpur**. Program ini merupakan sebahagian daripada pengisian sempena **Sambutan Hari Wilayah Persekutuan Tahun 2025** dan **Sambutan Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia**, yang kini dikenalpasti sebagai **Sambutan Hari Wilayah Persekutuan Harmoni 2025**.

Perarakan Harmoni 2025 merupakan program baharu yang diperkenalkan oleh KPN untuk memperkuatkan perpaduan dan keharmonian dengan menonjolkan kepelbagaian etnik, keunikian budaya serta kekayaan warisan masyarakat di Malaysia.

Program ini akan melibatkan **perarakan kereta berhias** diiringi 600 orang peserta yang terdiri daripada **10 kumpulan kaum** termasuk Melayu, India, Cina, Sabah, Sarawak, Orang Asli, Baba & Nyonya, Siam, Chetti dan Jawa. Para peserta ini akan membuat persembahan kebudayaan dan memainkan alat muzik sepanjang perarakan dijalankan. Perarakan ini akan bergerak sejauh **1.6 kilometer** bermula daripada **Dataran Merdeka** melalui **Jalan Raja, Jalan Tunku Abdul Rahman** seterusnya kembali ke **Dataran Merdeka**.

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara berkata, “Perpaduan dan kesatuan masyarakat adalah matlamat utama Kerajaan MADANI, maka dengan pelaksanaan program-program seperti ini dapat membuka ruang kepada masyarakat untuk mengenali kepelbagaian agama dan budaya di antara masyarakat seterusnya membentuk masyarakat yang bersatu padu serta mengamalkan konsep **Faham, Hormat dan Terima**.

KPN ingin menjemput orang ramai turut hadir bagi sama-sama memeriahkan Perarakan Harmoni dan melihat sendiri keunikian kereta berhias yang akan dipamerkan dan menikmati alunan muzik, tarian serta persembahan daripada pelbagai kaum di Malaysia.

Kementerian Perpaduan Negara

13 Februari 2025

KPN.100-9/1/16 (8)



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Perarakan Harmoni

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

**DATARAN
MERDEKA**
KUALA LUMPUR

15 & 16
FEBRUARI 2025

9.30 MALAM
-
12.30 PAGI

Menampilkan Perarakan Kereta Berhias 10 kumpulan kaum iaitu
Melayu, India, Cina, Sabah, Sarawak, Orang Asli, Baba & Nyonya, Siam, Chetti dan Jawa

Kementerian Perpaduan Negara

Merdeka
PERPADUAN
NEGARA

MALAYSIA
MADANI
Aman

ASEAN
MALAYSIA 2025

Malaysia
Asia



SCAN UNTUK
INFO LANJUT KPN